

11 DEC 2000

Parlimen-Putrajaya

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DIPINDA UNTUK PENUBUHAN PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membentangkan satu rang undang-undang meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengadakan peruntukan untuk penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan perkara yang berkaitannya.

Semasa membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri berkata Kerajaan Pesekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor telah membuat satu perjanjian pada 20 Julai 1995 untuk mewujudkan suatu Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di satu kawasan di daerah Sepang, Selangor.

Kawasan itu kini dikenali dengan nama Putrajaya, seluas 4,000 hektar.

"Menurut perjanjian itu, kawasan yang berkenaan telah diberikan kepada Kerajaan Persekutuan buat selama-lamanya.

"Melalui perjanjian itu juga, Kerajaan Negeri Selangor telah mewakili kepada Kerajaan Persekutuan perjalanan segala kuasa eksekutif yang perlu untuk membolehkan Putrajaya ditadbirkan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan," katanya.

Bagaimanapun, katanya kuasa perundangan kekal pada Negeri Selangor.

Dr Mahathir berkata, Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 telah diberi tanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan Putrajaya bagi pihak Persekutuan.

Beliau berkata setelah lebih lima tahun Putrajaya wujud dalam keadaan sedemikian, Kerajaan Persekutuan berpendapat adalah wajar Putrajaya dijadikan Wilayah Persekutuan dengan sempadan fizikal, perundangan dan pentadbiran yang jelas dan teratur agar kedudukan dan statusnya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan terpelihara.

Bagi menjadikan Putrajaya sebuah Wilayah Persekutuan, suatu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan dianggotai wakil Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkaitan telah diwujudkan.

Perdana Menteri berkata jawatankuasa itu telah mengadakan rundingan dengan wakil Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada rundingan yang diadakan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor telah menandatangani satu perjanjian, pada 7 Nov lepas, yang di dalamnya termaktub persetujuan kedua-dua pihak supaya Putrajaya menjadi Wilayah Persekutuan.

Dr Mahathir berkata oleh kerana penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya melibatkan perubahan sempadan negeri Selangor, suatu undang-undang perlu digubal oleh Parlimen bagi membuat perubahan itu, selaras dengan peruntukan Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, menurut syarat yang terkandung dalam Perkara 2, undang-undang sedemikian tidak boleh diluluskan oleh Parlimen tanpa persetujuan Negeri Selangor, yang dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan negeri Selangor dan persetujuan Majlis Raja-Raja.

Bagi memenuhi syarat berkenaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 telah dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat pada 8 Nov lepas dan dibentangkan di hadapan Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya pada 9 Nov lepas.

Dr Mahathir berkata draf Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan Putrajaya 2000 yang bertujuan memberikan persetujuan Negeri Selangor kepada

perubahan sempadan negeri itu telah juga dibentangkan di hadapan Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat yang sama.

Dalam mesyuarat itu, Majlis Raja-Raja telah memperkenankan perubahan sempadan Negeri Selangor bagi membolehkan Wilayah Persekutuan Putrajaya ditubuhkan.

Dr Mahathir berkata pada 16 Nov lepas, Dewan Undangan Negeri Selangor telah meluluskan Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan Putrajaya 2000.

Rang undang-undang itu menjadi enakmen apabila diperkenankan oleh Pemangku Raja Selangor pada 27 Nov lepas dan enakmen itu telah disiarkan dalam Warta kerajaan negeri Selangor pada 30 Nov lepas.

Perdana Menteri berkata Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 itu mengandungi tiga bahagian iaitu:

\* Bahagian I, yang menyatakan tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa akta yang dicadangkan;

\* Bahagian II, yang mengandungi peruntukan yang perlu bagi penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta perkara-perkara peralihan; dan

\* Bahagian III, yang mengandungi pindaan kepada pelbagai peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang perlu oleh sebab penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Antara lain, Bahagian III mengandungi Fasal 15 dan 16 yang bertujuan meminda Perkara 45 dan Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan kepada Perkara 45 adalah untuk membolehkan seorang anggota Dewan Negara dilantik mewakili Wilayah Persekutuan Putrajaya manakala pindaan Perkara 46 pula bertujuan membolehkan seorang anggota Dewan Rakyat dipilih untuk mewakili Wilayah Persekutuan Putrajaya.

-- BERNAMA

HS MNY PR